

cita-cita ini supaya ukhwah Islamiah yang telah ada benihnya di dalam jiwa kita itu hidup subur di dalam masyarakat kita, di dalam kehidupan kita sehari-hari supaya dengannya dapatlah kita menjadikan contoh kepada dunia bahawa umat Islam itu bersatu dan bersaudara – tidak berpecah-belah.

* * *

10 Tahun UMNO

Dalam bulan yang lalu genap UMNO berusia 10 tahun dalam perjuangannya. Dalam kata-kata sambutannya dalam perayaan 10 tahun UMNO itu Tengku Abdul Rahman yang di-Pertua Agung UMNO mengatakan bahawa jika pengikut-pengikut UMNO tidak puas hati tentang pucuk pimpinan UMNO sekarang hendaklah mereka menubuhkan suatu jemaah menteri lain.

Cabarani ini adalah seolah-olah suatu cabaran yang menutup segala fikiran dan pendapat ahli-ahli UMNO terhadap kepada langkah-langkah yang di bawa oleh pucuk pimpinan yang keadaannya samar-samar di dalam perkara-perkara :

1. Menetapkan rupa bangsa,
2. Mengiktiraf kerakyatan jus soli,
3. Menetapkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negeri Melayu.

Kita dikatakan samar-samar ialah dari dahulu sampai sekarang Tengku belum pernah menafikan dengan tepat akan adanya rupa bangsa Malayan dan demikian juga tentang kedudukan jus soli, Tengku seolah-olah merahsiakan apakah yang dikehendaki oleh Perikatan untuk menentukannya dan sebalik itu, apabila perkara-perkara itu heboh berlaku di dalam lingkungan orang Cina maka satu perisytiharan yang “mesti ditaati” dari ibu pejabat UMNO kepada cabang-cabangnya supaya menyalurkan fikiran-fikiran dan pandangan-pandangan mereka hanya kepada ibu pejabat sahaja - tidak boleh dikeluarkan bersendirii-sendirian.

Di sebalik itu di dalam masa yang akhir ini, di dalam perjumpaan penubuhan M. C. A. di Kuala Lumpur Dato' Sir Cheng Lock Tan pemimpin orang Cina yang sentiasa menghendaki jus soli diiktiraf, antara lain-lain berkata, bahawa Perikatan sentiasa berazam untuk menubuhkan satu rupa bangsa Malayan (Kebangsaan Malayan) – ini adalah dimaksudkan bahawa tiap-tiap seorang yang diperanakkan di dalam negeri ini akan menjadi bangsa Malayan. Tidak ada erti kata yang lain di dalam hal ini – katanya.

Kata-katanya ini sama juga seperti katanya di dalam memorandumnya pada tahun 1943 dahulu yang berkata: “Dasar seperti yang dikekalkan bahawa orang-orang yang diperanakkan di Malaya atau dilahirkan sebagai rakyat British atau yang mendapat kebangsaan British atau yang menjadi rakyat Malaya boleh menduduki kerusi-kerusi dalam majlis undangan atau memegang jawatan tinggi di dalam kerajaan”.

Daripada azam yang kuat 13 tahun yang lalu atau lebih daripada itu ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh Sir Cheng Lock Tan dengan tipu muslihatnya menghendaki supaya kerakyatan jus soli itu dipakai di dalam negeri Melayu, sedang di dalam fikiran dan pendapat orang Melayu khususnya yang duduk di dalam UMNO diminta salurkan atau dengan terangnya ditahan daripada dikeluarkan ke hadapan umum kerana menjaga maslahat pertaliannya di dalam perikatannya dengan anak-anak dagang itu.

Di sebalik itu berita-berita angin selalu bertiup yang mengatakan bahawa pucuk pimpinan UMNO telah menyertujui menjadikan rupa bangsa Malayan dan taraf kerakyatan jus soli.

Sepatutnya kerana perkara-perkara ini perkara yang mengenai maslahat umum seluruh bangsa Melayu semestinya pucuk

- sambungannya pada muka 47



Guru-guru dan guru-guru penolong Madrasah Mashoor Al-Islamiyyah li al-Banat di Pulau Pinang.

-sambungan dari muka 4

pemimpin UMNO, sebelum mengambil sesuatu keputusan, hendaklah meminta fikiran orang-orang yang di luar UMNO bersama untuk menentukan adakah mereka rela kepada yang demikian itu atau tidak.

Pucuk pimpinan UMNO sepatutnya di dalam masa sepuluh tahun ini bukannya memberi amaran tetapi mustahak baginya mengkaji jalan-jalan perjuangan UMNO yang telah lalu, terutamanya dalam masa bagaimana pucuk pimpinan yang dahulu jatuh, atau dijatuhkan oleh orang UMNO, kerana cuba melayankan orang-orang Melayu. Mereka patut mengkaji dengan tepat apa sebab orang-orang UMNO bersatu dahulu – jawabnya tidak lain pada masa yang lalu ialah langkah kerajaan British cuba melayankan negeri-negeri Melayu dan menjadikan kerakyatan jus soli itu sebagai salah satu dasar yang utama.

Setelah bantahan itu jaya dan berjalan maka pada tahun 1949 apabila pucuk pimpinan cuba membukakan pintunya menjemput anak-anak dagang menjadi ahli-ahli bersekutu di dalam UMNO dan kemudian pucuk pimpinan itu mendesak supaya diterima cita-cita muhibah perkauman dengan corak meMalayangkan itu pada masa

itu pucuk pimpinan UMNO Datuk Seri Onn berkata seolah-olah memberi amaran atau mengecil-ngecilkan pengikutnya : “Mereka yang mengaku dirinya yang bijak pandai yang habis bijak pandai di antara orang-orang Melayu di semenanjung Tanah Melayu ini, yang sebegitu bijak dan sebegitu pandai tidak mencuba hendak memandang sedikit lebih jauh daripada hujung hidungnya sendiri”!

Erti kata-kata ini tidak lain seperti erti kata-kata Tengku sendiri pada masa sekarang untuk menyuruh pengikut-pengikutnya menuahkan suatu kementerian yang lain atau mencari pucuk pimpinan lain. Kesan daripada yang tersebut ini oleh memandang bahawa masalah yang di bawa pada masa itu merosakkan maslahat dan kedudukan umum bangsa Melayu maka timbulah kesedaran-kesedaran daripada anggota-anggota UMNO daripada desakkan-desakkan rakyat jelata untuk mencari kesedaran dan mengawal maslahat mereka maka pada 10 dan 11 Jun 1950 berlakulah persidangan tergempar UMNO di Kuala Lumpur dan di sutilah pucuk pimpinan UMNO meletakkan jawatannya dan diganti oleh pucuk pimpinan yang ada sekarang.

Enam tahun telah lewat nampaknya sejarah perjuangan itu harus berlaku jika sekiranya cara-cara yang

digunakan itu menyamai keadaan-keadaan semula iaitu segala yang dijalankan oleh pucuk pimpinan harus berlawan dengan jiwa dan kehendak orang Melayu disebabkan hendak mempertahankan maslahat Perikatan dengan rakannya M.C.A. yang dari dahulu bercita-cita dan berpendirian tetap menghendaki supaya hak-hak Melayu yang telah banyak diberikan itu diberikan semua kepada mereka.

Yang demikian ini bertambah-tambah lagi apabila adalingkungan-lingkungan pucuk pimpinan UMNO sekarang mengeluarkan pula tuduhan-tuduhan kepada pengikut-pengikutnya dengan kata-kata yang pedas yang menuduh segala tuntutan-tuntutan Melayu itu, umpamanya dalam perbahasananya sebagai “penjajahan Melayu” dan kepada umumnya dituduh bahawa di dalam lingkungan-lingkungan UMNO itu sudah timbul anasir-anasir Komunis dan seumpamanya.

Sepatutnya untuk kesejahteraan dan lancarnya pimpinan UMNO bagi masa yang akan datang segala fikiran dan perbahasan ditampung dan diselenggarakan, lalu diperjuangkan, kerana pucuk pimpinan itu bukannya ia yang berhak menentukan dasar perjuangan bangsa Melayu, tujuan ini diperjuangkan oleh rata-rata pengikut-pengikut UMNO dan ahli-ahli UMNO itulah yang berhak menentukan apa yang patut dibuat atau diperjuangkan oleh pucuk pimpinan itu.

Segala fikiran ditampung dan segala keputusan diperjuangkan oleh pucuk pimpinan dan sekiranya pucuk pimpinan tidak sanggup dan tidak berupaya untuk menyelenggarakan kehendak orang-orang yang dipimpinnya maka sudah pada tempatnya bukannya ia menuntut orang menu buahkan satu jemaah menteri yang lain tetapi sepertinya ia mengundurkan diri daripada pucuk pimpinan dan membuka peluang kepada orang lain maju ketengah. Ia sepertinya tidak semata-mata mengikut kehendaknya tetapi memperjuangkan kehendak-kehendak orang yang dipimpinnya. Dan sebab itulah langkah-langkah disiplin yang dijalankan oleh pucuk pimpinan supaya tiap-tiap tempat taat setia kepada

perintah-perintah pucuk pimpinan itu sudah tentu berlawan dengan dasar demokrasi yang diagung-agungkan kerana yang demikian itu maknanya pucuk pimpinan telah menjalankan langkah-langkah kediktatoran.

Yang sebaik-baiknya sebelum pucuk pimpinan menentukan masalah-masalah yang mengenai kebangsaan Melayu, di dalam perkara yang tersebut di atas itu, molek sungguh ia mengadakan mesyuarat agung tergempar untuk menentukan apakah dasar-dasar yang dijalankan oleh pucuk pimpinan untuk keselamatan dan kesejahteraan orang-orang Melayu. Sekiranya pucuk pimpinan enggan menjalankan atau mengadakan satu mesyuarat tergempar maka sudah tentu pada tempatnya, melihat keadaan-keadaan sekarang, pengikut-pengikut UMNO mendesak supaya diadakan mesyuarat agung tergempar itu untuk menentukan apakah dasar yang wajib dijalankan oleh pucuk pimpinan.

Kerana sudah tiba masanya pengikut-pengikut UMNO berkata dengan terus terang memperingatkan pucuk pimpinannya kalau-kalau sudah kesedapan duduk di kerusi lembut lalu melupakan hak dan maslahat rakyat jelata.

Kejadian-kejadian sepuluh tahun yang lalu patut diperhatikan oleh tiap-tiap orang UMNO khususnya supaya nanti jangan bermakna bahawa langkah-langkah menjual bangsa Melayu atau bangsa Melayu terjual dilakukan oleh satu pertubuhan yang pada satu masa berkuasa iaitu UMNO – padahal kita mengetahui dalam jiwa pengikut-pengikut UMNO itu telah bergelora semangat tidak puas hati dengan langkah-langkah yang dijalankan atau dilakukan.

Panitia persidangan mahasiswa Afro – Asia yang dahulunya berbau politik cenderung kekiri itu sekarang telah diganti dengan panitia yang baharu yang bersih daripada pengaruh politik manapun juga. Demikian Reuter dari Jakarta.